

## Keindahan Bahasa dalam Lirik Lagu P. Ramlee

NUR AMIRAH CHE SOH & CHE IBRAHIM SALLEH

### ABSTRAK

*Keindahan bahasa bukan sahaja dapat ditafsirkan melalui indera mata yang melihat tetapi juga indah pada indera yang mendengar. Dalam bahasa, keindahan merupakan elemen yang mampu menimbulkan kesan dari dua aspek yakni bentuk dan makna. Secara umumnya, indah bentuk adalah merujuk pada visual yang memaparkan sesuatu yang sedap didengar dan susunan rima akhirnya mampu menimbulkan bunyi-bunyi yang berkesinambungan dan saling melengkapi antara satu sama lain. Indah pada makna pula tertumpu pada kata yang digunakan dalam lisan ataupun lisan sehingga menimbulkan makna sebaliknya dan bukan hanya pada makna dasar. Oleh sebab itu, kajian ini akan menumpukan pada bait kata yang terdapat dalam lirik lagu P.Ramlee sehingga menimbulkan makna yang indah bukan sahaja pada pendengaran semata-mata tetapi melalui makna yang terjelma melalui susunan kata dalam bait lirik lagu. Bagi membincangkan kajian ini, Teori Semantik diaplikasikan bagi menghuraikan makna lagu bukan hanya pada kata tetapi melihat hubungan kait antara bait kata sehingga menimbulkan makna yang indah. Dapatan kajian ini akan menghuraikan makna lagu yang memberikan kesan nikmat yang mampu mengusik jiwa pendengar dan melambang kebijaksanaan P.Ramlee dalam mengungkapkan kata. Kajian ini boleh dijadikan rujukan bagi pengkaji seterusnya yang berminat untuk mengkaji karya-karya P.Ramlee yang cukup bermakna dalam industri seni negara.*

*Kata kunci: keindahan bahasa, makna, P.Ramlee, semantik, lirik lagu*

### ABSTRACT

*The beauty of language is not only on the eyes senses but also hearing senses. In language, the beauty is an element that is able to create the effect of two aspects namely form and meaning. Generally, beautiful word representation refers to the visual display of something that sounds good and last rhyme arrangement be able to create sounds that are contiguous and complementary to each other. Beautiful in meaning are focused on verbal or oral terms to create symbolic meaning and not just basic meaning only. Therefore, this study focused on stanza words appearing in P. Ramlee songs to create a beautiful meaning not only on hearing but through the derived meaning of the stanza in lyrics of the songs. In discussion, semantic theory was applied to describe the meaning of the song not only in words but a relationship between the stanza that creates a beautiful meaning. This study described the meaning of the song that touches the soul of the listener and represents wisdom of P. Ramlee. This study can be a references for the future researchers that have interest on P.Ramlee's songs.*

*Key words: beauty of language, meanings, P.Ramlee, semantic, lyrics*

### PENDAHULUAN

Keindahan terlalu subjektif dan sukar untuk didefinisikan dengan suatu perkataan khusus kerana konsepnya yang halus dan abstrak. Menurut Nik Safiah Karim, "keindahan lazimnya dikaitkan dengan perasaan yang menenangkan yang dihasilkan berdasarkan tanggapan pancaindera" (Rogayah A.Hamid & Jumaah Ilias 2006: 137). Namun konsep keindahan tidak semata-mata bergantung pada aspek indera mata kerana konsep keindahan menjangkau bentuk fizikal hinggap ke tahap yang dinikmati melalui jiwa dan akal. Keindahan juga sering dirujuk sebagai nilai estetika dalam bidang kesusasteraan khususnya.

Unsur keindahan juga merujuk kepada perihal indah, kecantikan dan keelokan yang menimbulkan rasa kesenangan. Sifat keelokan ini bukan sahaja dilihat dari aspek fizikal atau lahiriah tetapi terdapat juga dalam kata yang dilafazkan. Keindahan dalam kata terdapat dalam pengucapan dan penghasilan sesebuah karya. Lazimnya, keindahan kata ini sering dikaitkan dengan penghasilan karya sastera yang bertujuan untuk menghiburkan dan dalam masa yang sama memberikan manfaat kepada sasaran khalayaknya.

Salah satu pengukuran bagi sesebuah karya sastera dilihat pada aspek keindahan yang terdapat dalam sesebuah karya. Estetika atau keindahan yang

terungkap dalam sesebuah karya merangkumi tiga aspek penting yang dikemukakan oleh Othman Puteh. Menurut Othman Puteh (2000: 9), nilai keindahan dalam sesebuah karya memberatkan tiga perkara seperti kesan keindahan emosi, pengalaman, imaginasi dan wawasan, memahami dan menghayati keindahan penggunaan gaya bahasa pengarang dalam menghasilkan karya sasteranya serta keindahan dan keistimewaan (keterampilan) pengarang dalam pengolahan karyanya. Kewujudan ketiga-tiga perkara tersebut dalam sesebuah karya sastera akan mencetuskan nilai estetika dalam sesebuah karya.

Pembicaraan tentang karya sastera dan aspek keindahan tidak dapat menafikan bahasa sebagai medium utama dan alat pengucapan. Penghasilan karya sastera tidak dapat dielakkan daripada menggunakan bahasa yang indah, tersusun dan mampu meninggalkan kesan pada khalayaknya. Menurut Farid M. Onn (1981: 21), sebagai karya tulisan kreatif imaginatif yang menekankan unsur-unsur estetika dan seni, penulisan karya sastera banyak bergantung pada keupayaan daya kreatif penulisnya serta penguasaan mekanisme penyusunan bahasa yang amat tinggi. Karya sastera digambarkan sebagai sebuah ciptaan yang sarat dengan nilai-nilai estetika dan dalam masa yang sama memperlihatkan keupayaan pengarangnya dalam menggunakan bahasa bagi menimbulkan kesan keindahan. Dalam artikel ini perbincangan yang akan dilakukan ialah menganalisis makna kata dalam lirik lagu P. Ramlee.

#### MAKNA KATA DALAM LIRIK LAGU P. RAMLEE

Penghasilan lirik lagu adalah bertujuan untuk menghiburkan dan dalam masa yang sama untuk menyampaikan mesej yang tersirat tetapi keunikan dalam lagu P. Ramlee daripada makna yang tersingkap dalam tiap bait kata lagu beliau. Keindahan bait kata dalam lagu nyanyian beliau bukan sahaja kerana melodi dan kelunakan suaranya tetapi bait kata yang disusun sebaik mungkin sehingga menghasilkan lirik lagu yang berjaya mendapat tempat di hati peminat sehingga ke hari ini. Jika industri seni tanah air melihat kejayaan beliau dalam menghasilkan pelbagai jenis lagu dan filem maka pengkaji bahasa juga perlu menjadikan hasil karya beliau sebagai bahan kajian kerana keupayaan bahasa yang digunakan dalam lirik lagu beliau membuktikan karya beliau mampu bertahan lama.

Aspek keindahan ini bukan sahaja cukup mendapat tempat di hati peminat Melayu khususnya bahkan turut diminati oleh mereka yang berlainan bangsa menjadi satu keunikan yang mesti dikaji. Penghasilan seni kata melibatkan bahasa dan seni kata yang indah serta baik akan meninggalkan kesan yang baik dalam kalangan khalayaknya. Hal ini selaras dengan kenyataan Farid M. Onn yang menyatakan bahawa apabila berbicara tentang sastera dan aspek keindahannya, kita tidak dapat lari daripada memberikan perhatian kepada media atau alat pengucapannya, iaitu bahasa (Farid M. Onn 1981: 21). Oleh sebab itu, kajian terhadap lirik lagu nyanyian P. Ramlee perlu ditambah kerana keindahan bahasa yang begitu akrab dengan pendengar menjadi persoalan bagaimana seni kata yang masih mengekalkan identiti tradisionalnya masih kekal dalam era moden kini.

#### *Pukul Tiga Pagi*

Kanda pergi kerja  
Jauh di kota  
Dinda jaga rumah  
Jangan main mata  
Nanti petang, kanda pulang  
Kita sembang panjang-panjang  
Dinda jangan bimbang - bujang  
Bukan mata keranjang  
Sembahyang

(Zakiah Hanum 1984: 82)

*Pukul Tiga Pagi* misalnya, lagu nyanyian beliau menerusi filem *Madu Tiga* yang berkisarkan suka duka kisah rumah tangga. Lirik lagu ini juga memaparkan penggunaan kata yang sedap didengar dan dalam masa yang sama menyampaikan makna yang berkesan. Misalnya, baris dalam lagu ini, *dinda jangan bimbang – bujang*. Penggunaan kata *bujang* dalam lirik lagu ini bukan sahaja mendukung makna seorang lelaki, teruna, masih muda dan belum berkahwin. Makna yang terselindung pada kata *bujang* bertujuan untuk memberitahu bahawa dia bukan sahaja belum berkahwin tetapi seorang yang setia dan tidak main kayu tiga. Pemilihan kata *bujang* bertujuan untuk meyakinkan sasaran lagu tersebut iaitu isterinya supaya mempercayainya dan tidak meragui akan kesetiiaannya.

Hal ini kerana, lirik sebelum perkataan *bujang* ialah *dinda jangan bimbang* seolah-olah memberitahu supaya isterinya supaya mempercayai bahawa dia masih bujang dan masih belum berkahwin. Dalam masa yang sama, penggunaan kata *bujang* juga bertujuan untuk memberitahu bahawa dia masih belum mempunyai isteri walaupun

seorang. Mesej utama yang ingin disampaikan bahawa dia seorang lelaki yang belum pernah berkahwin dan hanya isterinya seorang yang dinikahinya serta tiada yang kedua, ketiga atau keempat. Kehadiran kata *bujang* ini secara tidak langsung memberikan penegasan makna bahawa dia seorang lelaki yang masih belum berkahwin dan dalam masa yang sama ingin menyatakan kesetiaannya kepada isterinya.

Baris yang mengikuti lirik *dinda jangan bimbang – bujang* ialah *bukan mata keranjang – sembahyang*. Secara asasnya, makna *sembahyang* merujuk kepada rukun atau tuntutan sebagai seorang umat Islam yang wajib dilakukan lima kali sehari. *Sembahyang* juga merupakan perbuatan menyembah Allah S.W.T. yang menunjukkan hubungan di antara hamba dengan pencipta-Nya. Hamba yang sentiasa mengingati akan pencipta-Nya dan sentiasa bersyukur akan nikmat yang diberikan akan mempunyai rasa terima kasih kepada Tuhannya. Insan yang tidak pernah lupa akan pencipta-Nya akan taat dan patuh pada suruhan-Nya serta dalam masa yang sama seseorang yang begitu memandang berat akan ibadat solat serta sentiasa menjaga hubungan baik dengan Tuhan akan dikatakan sebagai seorang yang alim.

Tanggapan bahawa orang alim dan tidak pernah meninggalkan sembahyang kerana mereka adalah insan yang beriman dan berperwatakan baik. Oleh sebab itu, pemilihan kata *sembahyang* dalam lirik lagu P.Ramlee bukan sahaja merujuk kepada perbuatan atau ibadat wajib seorang hamba yang beragama Islam terhadap pencipta-Nya tetapi juga mendukung makna perwatakan yang baik. Insan yang sentiasa sembahyang tidak akan melakukan perbuatan yang bercanggah daripada tuntunan agamanya. Dalam lirik lagu ini, kata *sembahyang* digunakan untuk menggambarkan ciri-ciri lelaki yang soleh dan dalam masa yang sama baik terhadap isterinya.

Sebelum kata *sembahyang* dalam lirik lagu tersebut ada simpulan bahasa *mata keranjang* dan makna *mata keranjang* ialah seorang lelaki yang pantang melihat perempuan dan kaki perempuan. Makna *mata keranjang* membawa konotasi yang negatif kerana merujuk kepada lelaki yang tidak setia, perempuan keliling pinggang dan kaki perempuan. Kehadiran kata *sembahyang* secara tidak langsung meniadakan yang dia seorang lelaki yang mata keranjang. Secara tidak langsung, makna yang disampaikan bersifat positif kerana lelaki yang *sembahyang* tidak mungkin seorang kaki perempuan kerana tabiat sedemikian bertentangan dengan

agama dan dilarang sama sekali. Hal ini selaras dengan kenyataan yang dikemukakan oleh Grice (1975), implikatur ialah satu bentuk pentafsiran makna yang melewati batas-batas makna literal sesebuah ayat (Zulkifley Hamid 1991: 572)

Simpulan bahasa *mata keranjang* digunakan untuk tujuan menyindir secara halus dan dalam lirik lagu beliau sama sekali mementingkan penggunaan kata berlapis serta mencerminkan hati budi orang Melayu yang penuh dengan sifat kesantunan dan berhemah dalam melahirkan tutur kata. Kehalusan kata yang digunakan dalam lirik lagu tersebut dengan mewujudkan kata yang berkonotasi positif agar memberikan makna yang baik. Peranan kata *sembahyang* dalam lirik lagu tersebut membawa makna yang positif secara langsung menolak perbuatan *mata keranjang* yang disifatkan bertentangan dengan agama. Kesenambungan makna yang terungkap melalui pemilihan kata yang mempunyai hubungan makna berlawanan secara tidak langsung menolak makna negatif dan memberikan konotasi positif serta melambangkan cara masyarakat Melayu dalam menyampaikan suatu perkara negatif dengan penuh tertib. Hal ini secara tidak langsung mencerminkan aspek budaya masyarakat Melayu secara intelektual serta pemikiran penutur suatu bahasa, emosi, aspirasi, sikap terhadap kehidupan sekeliling (Asmah Haji Omar 2002: 36).

#### *Larut Malam*

Ingin kukatakan  
Tapi pada siapa  
Purnama membisu  
Embun pun membeku

(Zakiah Hanum 1984: 62)

Menurut Farid M.Onn (1981), gaya yang akan digunakan oleh penulis atau penyajak akan menyerlahkan kekuatan dan keunggulannya dalam menggunakan bahasa bagi mencipta sesebuah penulisan kreatif (Muhammad Saiful Haq Hussin 2010: 28). Dalam lirik lagu *Larut Malam* memaparkan seni kata yang menunjukkan keindahan penggunaan kata dari aspek bentuk dan seterusnya terjelma makna menguatkan lagi penyampaian dalam sesebuah lagu. Misalnya, penggunaan kata *membisu* pada *purnama* yang secara dasarnya membawa makna bahawa purnama tersebut tidak berkata-kata. *Purnama* atau bulan yang merupakan salah satu ciptaan Tuhan yang wujud pada malam hari dan terangnya bulan menerangi alam. Kewujudan bulan yang ditemani bintang-bintang menjadikan lukisan

alam itu cukup indah dipadang malah keistimewaan ciptaan Allah S.W.T. apabila bulan yang satu mampu menerangi seluruh alam semesta di kala malam hari.

Kata kerja *membisu* merujuk kepada perbuatan tidak bercakap, melafazkan atau menuturkan apa-apa butir bicara atau kata-kata. *Membisu* tidak sama seperti mana makna kata bisu kerana bisu adalah ketiadaan atau kehilangan kebolehan atau keupayaan berkata-kata dan ianya juga boleh disifatkan sebagai kecacatan indera. Malah *membisu* adalah perbuatan yang disengajakan walaupun kebolehan dan kemampuan untuk melafazkan kata-kata itu ada pada seseorang individu. Apabila *purnama* disifatkan *membisu*, ianya seolah-olah memberi makna bahawa purnama tersebut sudah tidak lagi menerangi alam seperti mana kebolehan bertutur seseorang yang sengaja tidak digunakan dan dalam erti kata lain sengaja mendingkan diri. Jika *purnama* tidak menerangi alam maka keindahan pada alam itu tidak sempurna dan seakan akan mengalami kecacatan seperti mana hilangnya nikmat berkata, bercakap atau bertutur bagi seorang manusia.

Selain itu, terdapat juga lirik *embun pun membeku* yang melengkapi keseluruhan lagu *Larut Malam*. *Embun* adalah sejenis mata air semula jadi anugerah yang Maha Esa dan kejernihan serta kebersihan sumber air ini diyakini. Mata air jenis ini hanya boleh didapati apabila menjelang subuh hari dan apabila pada setiap waktu pagi. *Embun* juga merupakan sesuatu yang sentiasa ada dan ianya sudah menjadi sebahagian daripada kitaran alam semula jadi mengikut aturan yang Maha Kuasa. Kewujudan embun ini juga paling ketara terdapat pada tumbuh-tumbuhan yang menghijau dan bunga-bunga yang berwarna-warni.

Kata *membeku* merujuk kepada sesuatu yang telah menjadi keras dan telah statik bentuknya. Walaupun ianya berasal cecair dalam bentuk asal, ianya tidak berubah dan kekal pada keadaan apabila disifatkan *beku*. *Beku* juga boleh digunakan untuk merujuk kepada sesuatu yang tahan lama dan boleh berkekalan dalam bentuk, saiz serta sifat asal. Jika *membeku* digunakan untuk memberi sifat kepada embun, maka ianya telah melanggar hukum alam iaitu embun tidak pernah menjadi beku. Secara lumrahnya, embun akan menghilang atau mengering melalui proses sejatan apabila tibanya cahaya matahari. Pertentangan sifat yang diwujudkan melalui seni kata dalam lirik lagu P.Ramlee adalah bertujuan untuk menyatakan perasaan yang hampa dan kecewa apabila tiada teman untuk berbicara. *Embun membeku* merupakan simbolik apabila seseorang menyatakan sesuatu tetapi tidak mendapat

respon atau tidak balas daripada pihak lain. Dalam erti kata lain, situasi di mana seseorang itu berasa keseorangan tanpa teman bicara sehingga apa yang ingin diperkatakan tidak didengari oleh sesiapa.

Perasaan kesunyian, kesepian dan keseorangan ini dinyatakan dengan memberikan sifat manusia kepada unsur alam. Penggunaan kata sedemikian menjadikan lagu yang bertujuan bersifat menyindir tetapi dalam makna yang lebih halus dan berbudi. Jika dinyatakan sedemikian, maka tiada individu ditujukan secara khusus walaupun dalam masa yang sama ianya bertujuan menyedarkan seseorang tentang perasaan keseorangan yang sedang dialami. Oleh sebab itu, keindahan jelas tergambar apabila pemilihan kata yang secara halusnyanya berperanan untuk menyindir tetapi dalam masa yang sama tidak menuding jari pada sesiapa.

Seterusnya, menerusi lagu *Anakku Sazali* memperlihatkan keindahan bahasa yang dipamerkan oleh beliau berkenaan bagaimana seorang ayah menasihati seorang anak. Pemilihan kata yang secara halus dan lembut serta mempunyai nilai budi yang tinggi malah sama sekali tidak kasar apabila didengar. Kebijaksanaan seorang ayah dalam mendidik anaknya dan ajaran yang ingin disampaikan secara lembut tetapi tegas. Tindakan seorang ayah dalam lirik lagu ini melambangkan berhemahnya seorang ayah sehingga kata-kata yang bersifat arahan secara lumrahnya tidak dapat diterima dengan baik oleh anak-anak terutamanya golongan remaja. Oleh sebab itu, dalam menyampaikan sesuatu dalam bentuk tulisan yang bertujuan untuk mendidik, penulis, pengarang atau pengkarya harus bijak memilih kata-kata agar mereka tidak berasa seolah-olah seperti mereka dipaksa atau dikerah melakukan sesuatu.

#### *Anakku Sazali*

Anakku sazali juwita  
Laguku jadikan pelita  
Penyuluh di gelap gelita  
Pemandu ke puncak bahagia

(Zakiah Hanum 1984: 6)

Penceritaan dalam lagu ini berkisarkan peringatan yang cuba disampaikan oleh seorang ayah kepada anaknya supaya sentiasa mengingati kedua orang tua walaupun setelah mereka tiada di dunia ini. Pemilihan kata *sahabat* yang lebih mesra dan ibarat lagu yang dicipta khas buat peneman anaknya. Kata *sahabat* yang merujuk kepada seseorang yang sentiasa di sisi tidak kira gembira atau duka. Penggunaan kata *sahabat* di sini, melambangkan lagu yang dicipta umpama teman

yang sentiasa di sisi walau dalam apa jua keadaan sekalipun. Beliau tidak menggunakan kata lain seperti kawan atau teman kerana sifat “keakraban” yang ada pada seorang sahabat melebihi seorang kawan dan teman. Keakraban merujuk kepada ikatan atau perhubungan yang benar-benar rapat sehingga diibaratkan seperti keluarga atau darah daging sendiri. Hubungan yang begitu dekat dan rapat ini merupakan makna yang ingin disampaikan oleh P.Ramlee dalam memberi sifat kepada lagu yang ditujukan buat anaknya menerusi filem *Anakku Sazali*.

Kata *pelita* yang digunakan dalam lirik lagu *Anakku Sazali* juga mempunyai makna yang tersendiri. Jika menurut kamus atau penghuraian dari aspek semantik, kata *pelita* hanya mendukung makna sejenis bekas yang pelbagai bentuk dan berisi minyak serta bersumbu yang digunakan untuk memberikan cahaya. Pelita ini juga seringkali dikaitkan dengan hari perayaan dan dinyalakan di malam hari untuk tujuan meraikan hari raya yang bakal tiba. Secara asasnya *pelita* hanya sejenis benda yang memberikan cahaya di kala malam yang gelap gelita. Walau bagaimanapun, menerusi lagu *Anakku Sazali* kata *pelita* mendukung makna sebagai petunjuk atau panduan. Situasi ini selaras dengan kenyataan yang dikemukakan oleh dua orang ahli bahasa iaitu Wittgenstein pada 1953 yang mengatakan bahawa makna kata tidak dapat diketahui kecuali dilihat dalam penggunaannya, atau dalam konteks penggunaannya dan Ullmann pada 1962 juga berpendapat bahawa makna perkataan hanya dapat ditentukan berdasarkan penelitian terhadap penggunaannya (Nathesan 2008: 11).

Petunjuk atau panduan di sini bukan merujuk kepada arah sesuatu tempat kerana baris yang mengikutinya berbunyi *penyuluh digelap gelita*. *Pelita* di sini berperanan sebagai pedoman yang memimpin di kala menghadapi kesusahan ketika menemпуhi cabaran dan dugaan dalam kehidupan. Jika *pelita* merujuk kepada pedoman atau panduan maka *gelap gelita* merujuk kepada onak duri kehidupan yang tidak diduga. Simboliknya makna yang didukung sedemikian lebih indah jika di tafsir oleh pendengar dan menggambarkan kekreatifan penggubah lagu dalam memilih kata yang sesuai apabila ingin menggambarkan sesuatu. Kadangkala, sesuatu kata belum tentu menggambarkan keseluruhan cerita yang cuba disampaikan tetapi dengan memberi tanggungjawab pada sesuatu benda untuk menggambarkannya, makna lebih terkesan dan lebih mendalam. Kebijaksanaan P.Ramlee tidak menggambarkan *gelap gelita* itu sebagai onak duri

kehidupan dengan kehadiran kata *pelita* pada baris sebelumnya menunjukkan peranan pelita yang bukan hanya pemberi cahaya semata-mata tetapi mempunyai fungsi yang lebih penting daripada itu apabila diberi makna yang mendalam dalam lagu tersebut.

Pengertian bahasa oleh Azhar M. Simin, meliputi beberapa perkara iaitu;

- Bahasa dengan jelas dapat memperlihatkan keperibadian seseorang penutur
- Keadaan berperanan penting untuk menentukan bagaimana seseorang itu harus bertutur
- Bahasa tidak boleh dipisahkan dari konteksnya

(Azizul Rahman Abdul Rahman 1995: 16)

Berdasarkan pengertian bahasa yang dinyatakan oleh Azhar M. Simin, bahasa amat berkait rapat dengan penutur dan makna sesuatu bahasa yang diucapkan itu. Peribadi seseorang dapat dilihat berdasarkan pertuturan dan cara bercakap seseorang, baik dalam pemilihan kata-kata dan cara bagaimana sesuatu kata-kata itu disampaikan (Azizul Rahman Abdul Rahman 1995). Kehalusan berbicara ini yang melambangkan jati diri seorang yang sensitif terhadap perasaan pendengar atau hanya mementingkan perasaan sendiri. Sensitif apabila berbicara amat perlu kerana memang bangsa Melayu cukup dikenali dengan sifat berlapik dalam melafazkan kata-kata agar tidak menyinggung mana-mana pihak. Perkara yang ingin disampaikan walaupun bersifat negatif dan tidak sedap didengar, maka lahirilah kiasan, sindiran, peribahasa dan pepatah sebagai medium yang menggantikan bahasa kasar atau sebagainya.

Kehalusan budi P.Ramlee jelas tergambar dalam pemilihan kata dalam lirik lagu beliau. Pemilihan kata yang sebaik mungkin dan sedap pada deria pendengaran malah diterima baik dalam kalangan masyarakat. Beliau tidak memilih kata yang mampu menimbulkan kemarahan dan menyentuh sensitiviti mana-mana pihak. Misalnya dalam lirik lagu, *Jangan Tinggal Daku* secara keseluruhannya menunjukkan hasrat hati seseorang terhadap kekasih hatinya supaya tidak meninggalkan dirinya. Baris pertama dalam lagu yang berbunyi *Jangan tinggal daku* merupakan satu permintaan agar kekasihnya tidak berbuat demikian. Malah kata-kata yang tersusun seterusnya dalam lirik lagu ini bertujuan untuk memujuk supaya kekasih hatinya tidak pergi meninggalkannya.

Perbuatan memujuk adalah melahirkan kata-kata yang sangat manis, lemah lembut, halus,

berhemah dan menarik untuk tujuan memikat hati seseorang. Kata yang bertujuan untuk memikat hati seseorang perlulah mendukung makna yang baik-baik sahaja sehingga hati yang mendengar tertawan. Lagu *Jangan Tinggal Daku* memperlihatkan bagaimana P.Ramlee menggunakan kata yang halus tetapi lembut dan lunak pada pendengaran telinga sehingga membuatkan si pendengar merasakan sesuatu yang indah-indah sahaja.

***Jangan Tinggal daku***

Jangan tinggal daku  
Oh adik oh juita  
Kanda sedang rindu  
Padamu yang manis jelita  
  
Hanya dikau sorang  
Oh bintang oh pujaan  
Tempat kasih sayang  
Harapan di masa hadapan  
  
Andai dinda pergi  
Daku teman tiada  
Meratap sunyi  
Hampa merana

(Zakiah Hanum 1984: 49)

Antara kata-kata yang digunakan dalam lagu tersebut seperti *adik, juwita, manis jelita, oh bintang, oh pujaan, dewi* dan *manis*. Tiada satu perkataan *kekasih* yang digunakan tetapi beliau lebih bijak memilih kata-kata yang lebih dekat untuk menggambarkan seorang gadis. Walaupun patah kata yang dipilih tidak secara terus tetapi secara terselindungnya kata yang digunakan merupakan simbolik untuk ditujukan kepada seorang gadis pujaan hati. Kesemua patah kata yang digunakan cukup sinonim dengan gadis dan sedap didengar bukan sahaja bagi seorang gadis tetapi pada sesiapa sahaja yang bergelar wanita atau perempuan. Secara hakikat dan realitinya, memang tidak dapat dinafikan bahawa sifat seorang wanita atau perempuan yang suka akan pujian.

Jika dibandingkan dengan budaya barat, mereka lebih berterus-terang dalam berkata-kata tetapi dalam budaya timur, kata-kata cukup untuk melambangkan peribadi seseorang. Sebagaimana P.Ramlee menggambarkan sesuatu situasi itu berdasarkan gambaran yang terdapat dalam realiti masyarakat timur iaitu seorang gadis desa yang mempunyai ciri-ciri kemelayuan dan kesantunan, secara lumrahnya akan malu apabila dipuji. Apabila seorang gadis dipuji, akan terukir satu senyuman sehingga menyebabkan tersipu-sipu malu dan ini menyebabkan pipi mulus akan kemerah-merahan.

Kemanisan senyuman ini yang juga merupakan sebahagian kata yang terdapat dalam lagu *Jangan Tinggal Daku* dan P.Ramlee mengungkapkannya *manis jelita* bagi menggambarkan perihal wajah seorang kekasih. Kata *manis* tidak hadir secara tunggal malah diperkuatkan lagi maknanya dengan kehadiran kata *jelita*.

Secara amnya, kata *manis* merujuk kepada perihal wajah yang cantik, elok, molek, dan sedap dipandang mata. Manakala kata *jelita* juga menggambarkan sesuatu yang cantik, elok dan molek. Gabungan kedua-dua kata ini merupakan salah satu cara bagaimana penggunaan kata yang bertujuan untuk menggambarkan sesuatu perihal yang mempunyai tahap cantik yang melebihi kebiasaan. Kebiasaannya rajuk seorang gadis akan terubat apabila mendengar kata-kata yang sedap didengar dan mencerminkan sesuatu yang positif secara berterusan. Nikmat kata-kata ini selaras dengan kenyataan yang pernah diperkatakan oleh Keris Mas bahawa istilah keindahan dalam hubungannya dengan bahasa kerana yang menimbulkan rasa nikmat dan terharu dalam perasaan kita tatkala membaca sebuah karangan itu ialah adanya unsur-unsur keindahan dalam karangan tersebut (Keris Mas 1959: 220).

Selain itu, penggunaan unsur alam seperti *bintang* seperti mana yang terdapat dalam lirik lagu tersebut cukup memperlihatkan kebijaksanaan beliau mengolah sesuatu berdasarkan pengamatannya terhadap keindahan alam semula jadi. Sifat *bintang* yang menerangi alam apabila waktu malam dan saujana mata memandang cahaya bintang indah pada waktu malam. Kedudukan bintang pada awan secara berjauhan antara satu sama lain di awan menjadikan satu bintang itu berbeza dengan yang lain. Secara simboliknya, kekasih hatinya diibaratkan seperti *bintang* yang memberikan sinar kepada hidupnya dan jika kekasih hatinya pergi meninggalkannya, hidup seperti gelap gelita tanpa arah tujuan. Dalam pada itu, keunikan *bintang* yang wujud satu-persatu pada permukaan awan juga merujuk kepada kekasihnya yang tidak sama dengan gadis lain dan cukup istimewa dalam hidupnya. Oleh sebab itu, makna yang ditinjau berdasarkan kepada konteks biasanya lebih tepat kerana konteks merupakan aspek yang terpenting dalam penentuan makna bagi sesuatu ujaran (Rahimah Hj. Sabran & Rahim Syam 1985 : 271).

***Air Mata Di Kuala Lumpur***

Air mata  
Di Kuala Lumpur

Jatuh berderai hancur  
 Tidak terhingga  
 Putus kasih  
 Yang tak kuduga  
 Dikau pergi tak tinggal pesan

Istana kubena  
 Menjadi pesara  
 Gelaplah pasti  
 Masa hadapan  
 Jiwaku merayu  
 Utara dan selatan

(Zakiah Hanum 1984: 3)

Lagu *Air Mata Di Kuala Lumpur* mengisahkan tentang perjalanan hidup seorang anak seni serta suka duka dalam mencipta nama dalam dunia seni. Judul lagu yang sedemikian sudah boleh menggambarkan kisah duka yang dialami kerana *air mata* cukup sinonim dengan perasaan sedih, duka, pilu, hampa, hiba, kecewa dan lara. Dalam lirik lagu *Air Mata Di Kuala Lumpur* antara patah kata yang melengkapi lagu tersebut ialah *jatuh berderai hancur*. *Berderai hancur* ini digunakan untuk merujuk kepada *air mata* yang jatuh ke pipi dan dikatakan *berderai hancur*. *Air Mata* merupakan sesuatu yang berbentuk cecair dan tidak terdapat dalam bentuk yang tetap seperti pepejal.

Sesuatu yang berbentuk cecair ini walaupun tetap isi padunya ia boleh berubah-ubah dan dalam lirik lagu ini, P.Ramlee menyifatkan air mata yang jatuh berguguran menjadi hancur dan berderai. Keindahan penggunaan kata untuk menggambarkan kesedihan hati sehingga menyebabkan gugurnya air mata dan sifat air mata yang gugur akibat kesedihan itu diberi gambaran yang cukup teliti. Kata *berderai* dan *hancur* sepatutnya digunakan untuk merujuk benda yang konkrit seperti gelas atau kaca yang telah jatuh dari tempat yang tinggi atau terhempas ke lantai. Namun, beliau cuba menggunakan kata sedemikian untuk memberi simbolik kepada *air mata* yang gugur akibat kesedihan yang teramat sangat.

Kesedihan yang cuba digambarkan ialah sedih yang berada pada tahap yang paling tinggi dan pada tahap kemuncak atau penghabisan. Ianya diberi simbolik pada kata *berderai* dan *hancur*, *air mata* digantikan sebagai objek yang konkrit. Gambaran bagaimana gelas atau kaca yang jatuh terhempas sehingga berderai dan kemudiannya hancur serta menjadi kepingan yang kecil-kecil menggambarkan betapa sedihnya perasaan yang dialami. Pada tahap sedemikian, beliau cuba menggambarkan kesedihan yang dialaminya sehingga benda dijadikan simbolik bagi menyatakan perasaan.

Selain itu, terdapat juga lirik *Istana ku bina, menjadi pesara*. Kata *Istana* mendukung makna sebuah kediaman atau tempat tinggal yang dihuni oleh golongan raja, sultan dan pemerintah. Istana juga merupakan sebuah kediaman yang lengkap serba serbi dan secara gambaran kasarnya sebuah tempat yang berpagar serta sentiasa dikawal oleh hulubalang atau pengawal istana. Hanya keturunan raja sahaja yang tinggal di istana dan hanya kediaman yang dihuni oleh golongan raja sahaja dinamakan sebagai istana. Walau bagaimanapun, kata *istana* yang digunakan dalam lirik lagi *Air Mata Di Kuala Lumpur* ini bertujuan untuk menggambarkan kegigihan seorang anak seni dalam membina kerjaya tanpa mengenal erti putus asa.

Kata *istana* digunakan bagi menunjukkan kegigihan dan kesungguhan seseorang dalam dunia seni yang berkarya bukan bermatlamatkan hiburan semata-mata. Malah keikhlasan yang terpancar melalui karya-karya membuatkan karya-karya cukup disenangi oleh masyarakat. Karya yang dihasilkan diterima baik oleh segenap lapisan masyarakat tanpa mengira kaum dan bangsa adalah sesuatu yang boleh menjadi kebanggaan. Oleh sebab itu, kerjaya dalam bidang seni digambarkan sedemikian kerana kesungguhan yang tidak pernah kenal erti putus asa walaupun terpaksa bermula daripada bawah menyebabkan pemilihan kata *istana* sebagai simbolik untuk menyatakan makna sebenar.

*Istana* merupakan sesuatu yang mustahil dimiliki oleh rakyat biasa dan kemewahan yang ada hanya mampu dimiliki oleh golongan bangsawan menjadikan ianya cukup bernilai tinggi. Nilai yang tinggi ini yang diletakkan pada kerjaya yang dibina dengan penuh kesabaran sehingga berjaya mencipta nama dalam dunia seni. Kegemilangan kejayaan tersebut akhirnya disifatkan sebagai *pesara* seperti mana yang digambarkan menerusi lagu tersebut. *Pesara* seringkali dikaitkan dengan kubur atau perkuburan yang secara tidak langsung merujuk kepada kesedihan akan kehilangan sesuatu.

Keutuhan makna yang terjalin antara kata *pesara* dan *air mata* memberi gambaran keseluruhan lirik lagu adalah bermatlamatkan untuk menyuarkan kesedihan di hati. Kejayaan yang pada mulanya diletakkan pada tahap yang paling tinggi sehingga disifatkan sebagai *istana* kemudiannya di berikan perbandingan yang paling bawah iaitu *pesara*. Jarak perbandingan yang terlalu ketara menggambarkan sesuatu yang diusahakan selama ini hanya musnah dalam sekelip mata. Dalam masa yang sama, makna terselindung yang cuba disampaikan ialah sesuatu

yang diusahakan dengan penuh kesabaran dan memakan masa berpuluh-puluh tahun hanya tiada dalam sekelip mata. Perbandingan sedemikian memaparkan kebijaksanaan P.Ramlee dalam menghalusi makna kata untuk menyatakan sesuatu seteliti mungkin dalam bentuk yang begitu santun dan berhalus.

Lirik yang teratur penyusunan katanya dan jelas maknanya akan menimbulkan nila estetika dan mesej yang ingin disampaikan dapat ditafsirkan oleh pendengarnya. Ini seperti yang dinyatakan oleh Cooke bahawa keindahan kata dalam lagu umpama kunci yang membuka ruang untuk menghayati makna-makna secara lebih berkesan. Jelasnya, keindahan sesuatu karya seni terletak juga kepada cara seniman mempersembahkan kepada khalayak (Arbai'e Sujud 1999: 4).

#### ***Bahasa Cinta (Tiada Kata Secantik Bahasa)***

Tiada kata secantik bahasa  
Untuk ku puji adinda  
Tiada gambar secantik lukisan  
Nak kutunjuk perasaan

(Zakiah Hanum 1984: 10)

Lagu *Tiada Kata Secantik Bahasa* menggambarkan bagaimana beliau mengolah kata-kata untuk menyatakan atau menggambarkan sesuatu dalam bentuk kata-kata. Secara tidak langsung, lagu ini menunjukkan peranan kata-kata yang mampu mengolah sifat sesuatu dengan sebaik mungkin. Baris pertama dalam lirik lagu ini menyatakan *tiada kata secantik bahasa* merujuk kepada sifat *kata* yang merupakan salah satu komponen bahasa secara bentuknya tetapi dari aspek maknanya, *kata* berperanan sebagai alat atau saluran yang mendukung sesuatu makna untuk menyampaikan sesuatu. Beliau tidak menyatakan ayat atau sebagainya tetapi memilih untuk menggunakan *kata* kerana ianya boleh menyatakan berbagai-bagai pengertian berdasarkan kewujudannya.

Dalam lirik lagu P.Ramlee, beliau menyatakan sedemikian apabila seseorang kekasih ingin memuji kekasihnya tetapi dia merasakan tiada kata yang dapat menggambarkan kecantikan kekasihnya itu. Walau bagaimanapun, ianya juga boleh membawa makna bahawa kata dalam bahasa adalah tutur yang cukup indah untuk digunakan bagi mengungkapkan tentang kecantikan seseorang. Hal ini terbukti apabila baris yang selepasnya ialah *untuk kupuji adinda* dan ini jelas menunjukkan peranan kata dalam bahasa juga boleh digunakan untuk menyatakan rasa kekaguman terhadap sesuatu. Oleh hal yang

demikian, pentafsiran mengenai kata itu merupakan suatu bahasa yang indah untuk menyatakan pujian dalam bentuk kata yang indah-indah.

#### KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, hampir kebanyakan lirik lagu P.Ramlee cukup mengambil berat soal pemilihan kata dalam menyatakan makna yang baik dan berbudi. Kata yang indah bukan sahaja sesuatu yang sedap pada pendengaran telinga malah diterima baik dalam kalangan masyarakat. Sesuatu lafaz, tutur atau bicara yang dijaga dan berhati-hati akan mencerminkan peribadi seseorang. Pemilihan kata baik dalam bentuk lisan mahupun tulisan, amalan "berbudi" itu amat perlu kerana ianya bukan sahaja mementingkan keindahan tetapi juga memandang berat akan kehalusan tutur bicara agar tidak menyinggung perasaan mana-mana pihak. Seperti mana yang diperkatakan oleh Mohd. Yusri Azhar dalam artikelnya *Keindahan Berbahasa dalam Masyarakat Melayu*, keindahan budaya bukan sahaja merangkumi adat dan istiadat, pantang larang dan kepercayaan semata-mata bahkan terserlah melalui keindahan bahasa ketika berkomunikasi secara lisan (Mohd. Yusri Azhar 2001: 5).

Silap tutur kata mungkin akan menimbulkan rasa dendam, kecil hati, terasa atau terluka hanya kerana kata-kata yang kasar dan tidak "berbudi". Indahnya bahasa dalam lirik lagu P.Ramlee kerana beliau cukup prihatin dalam menyatakan sesuatu baik melalui filem dan juga penulisan lirik lagu. Kata-kata yang terjelma berdasarkan kebiasaan masyarakat akan menghasilkan lirik lagu yang dekat dengan jiwa dan sanubari mereka. Amalan dan penggunaan kata yang sedemikian amat perlu bagi setiap individu untuk menjaga keharmonian dalam masyarakat.

#### RUJUKAN

- Arbaie Sujud. 1999. Estetika dalam lirik lagu-lagu nyanyian P.Ramlee. Tesis Master Sastera, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Asmah Haji Omar. 2002. *Setia dan Santun Bahasa*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Azizul Rahman Abdul Rahman. 1995. *Bahasa Rahsia Bahasa Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Farid M.Onn. 1981. Keindahan bahasa dalam sastera: Suatu penilaian bentuk kata. *Jurnal Pembinaan dan Pengembangan Bahasa* 25(2): 21-38.
- Keris Mas. 1959. Keindahan bahasa. *Dewan Bahasa* 111(3): 220-227.

- Mohd. Yusri Azhar Abdullah. 2001. Keindahan berbahasa dalam masyarakat Melayu. *Pelita Bahasa*. Hlm.5.
- Muhammad Saiful Haq Hussin. 2010. Adaptasi pantun dalam penciptaan puisi. *Dewan Bahasa*. Hlm.28-30.
- Nathesan, S. 2008. *Makna dalam Bahasa Melayu*. Edisi Kedua, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh. 2000. Pendekatan estetika atau keindahan bahasa dalam kritikan sastera Melayu. *Dewan Sastera*. Hlm. 9.
- Rahimah Hj.Sabran & Rahim Syam. 1985. *Kajian Bahasa untuk Pelatih Maktab Perguruan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Rogayah A.Hamid & Jumaah Ilias. 2006. *Pandangan Semesta Melayu: Pantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zakiah Hanum. 1984. *Senandung Seniman Agung*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Zulkifley Hamid. 1991. Pentafsiran makna: Pragmatik sebagai kaedah yang lebih lengkap. *Dewan Bahasa* 35(7). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nur Amirah Che Soh  
Felo Penyelidik Siswazah  
Jabatan Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM, Serdang, Selangor, MALAYSIA.  
E-mail: miyranur@gmail.com

Che Ibrahim Salleh, Ph.D.  
Pensyarah Kanan  
Jabatan Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM, Serdang, Selangor, MALAYSIA.  
E-mail: cibrahim@upm.edu.my

